

## ARTIKEL SURATKHBAR

Nama Suratkhbar : Utusan Malaysia (Segmen Dalam Negeri)

Tarikh: Khamis, 31 Mac 2016

Mukasurat : 6

UTUSAN MALAYSIA • KHAMIS 31 MAC 2016



TENGGU ABDULLAH (kiri) dan Adnan Yaakob (dua dari kiri) mendengar penerangan Ketua Unit Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara, Mohd. Kamal Shahuruddin (kanan) mengenai cara membaik pulih dan penjagaan buku Jawi lama ketika melawat pameran selepas merasmikan Seminar Antarabangsa Tulisan Jawi di KUIPSAS, Kuantan, semalam.

### Bersama martabat, perkasa tulisan Jawi

**KUANTAN 30 Mac** - Semua pihak diminta bersama-sama menggerakkan aktiviti memartabatkan dan memperkasa tulisan Jawi dalam kalangan masyarakat supaya warisan Melayu sejak sekian lama itu dapat dipertahankan.

Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah juga menyarankan semua majlis daerah dalam negeri ini, jabatan kerajaan, pihak swasta dan badan berkanun menggunakan tulisan Jawi umpamanya seperti di papan tanda, premis jualan dan papan tanda arah.

Baginda juga turut berharap sistem ejaan Jawi dapat diselaraskan di peringkat Asia sehingga ke tahap antarabangsa.

"Begitu juga dengan Kementerian Pendidikan agar dapat lebih ke hadapan memainkan peranan supaya tulisan Jawi dapat dipertingkatkan penggunaannya di sekolah dan dalam kalangan masyarakat.

"Dengan terlaksana hasrat murni ini, zaman kegemilangan tulisan Jawi, insya-Allah akan mampu dikembalikan. Khusus untuk masyarakat beragama Islam dan masalah buta

al-Quran dapat diatasi dan tidak akan timbul lagi masalah orang Islam yang tidak boleh menguasai bacaan al-Quran," titah baginda.

Baginda bertitah demikian ketika menyempurnakan Majlis Perasmian Seminar Antarabangsa Tulisan Jawi di Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS), di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob dan Timbalan Yang Dipertua Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (Muip), Datuk Seri Wan Abdul Wahid Wan Hassan.